

<b>Headline</b>	<b>Projek LSS kedua TNB dapat biaya RM144j</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Berita Harian</b>		
<b>Date</b>	<b>11 Jan 2019</b>	<b>Language</b>	<b>Malay</b>
<b>Circulation</b>	<b>69,985</b>	<b>Readership</b>	<b>209,955</b>
<b>Section</b>	<b>Bisnes</b>	<b>Page No</b>	<b>47</b>
<b>ArticleSize</b>	<b>190 cm<sup>2</sup></b>	<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>
<b>PR Value</b>	<b>RM 19,648</b>		



# Projek LSS kedua TNB dapat biaya RM144j

**Tenaga** Nasional Bhd (TNB) memperoleh pembibayaan RM144 juta bagi projek Solar Berskala Besar (LSS) keduanya di Malaysia yang terletak di Bukit Selambau, Kuala Muda, Kedah.

Dalam satu kenyataan semalam, TNB berkata, pembibayaan untuk projek itu dimeterai oleh anak syarikat milik penuhnya, TNB Bukit Selambau Solar Sdn Bhd (TBSS) bersama MUFG Bank Malaysia Bhd, baru-baru ini.

Katanya, MUFG Bank akan menyediakan pembibayaan sehingga RM144 juta serta keperluan modal kerja untuk projek terbabit.

#### Siap suku keempat 2020

"TBSS yang ditubuhkan sebagai syarikat tujuan khas (SPV) untuk membangunkan LSS di Kuala Muda, memperoleh projek berkenaan dari Suruhanjaya Tenaga menerusi proses pembidaan kompetitif. "TNB dan TBSS menandatanga-

 MUFG Bank akan sedia pembibayaan sehingga RM144 juta serta keperluan modal kerja untuk projek terbabit"

#### Kenyataan TNB

ni Perjanjian Pembelian Tenaga (PPA) selama 21 tahun untuk projek ini pada awal Mac 2018 dan ia dijangka siap menjelang suku keempat 2020," katanya.

TNB berkata, LSS itu memiliki kapasiti penjanaan 30 megawatt (MW) dengan kapasiti terpasang DC pada 45MW.

"Projek LSS pertama TNB sudah beroperasi di Kuala Langat, Selangor dan mempunyai kapasiti penjanaan 50MW dengan kapasiti ter-

pasang DC pada 78MWp.

"Kedua-dua projek LSS ini mengukuhkan aspirasi dan komitmen TNB untuk mempertingkat tenaga boleh diperbaharui (RE) dalam negara," katanya.

Mengulas lanjut, ia berkata Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim sebelum ini menetapkan sasaran 20 peratus untuk bekalan elektrik negara dijana melalui sumber RE menjelang 2030.